

Kem Perhutanan

Kem perhutanan ke-14 yang diadakan pada 08 sehingga 22 Ogos 2014 (Troop 1) dan 23 Ogos sehingga 06 September 2014 (Troop 2) telah berjaya dilaksanakan dengan baik di Hutan Simpan Kawang dimana ianya telah disertai oleh hampir 152 orang pelajar Bacelor Sains Perhutanan Tahun 3. Kem perhutanan merupakan salah satu kursus yang wajib diambil oleh para pelajar Bacelor Sains Perhutanan untuk bergraduasi dimana ianya bertujuan



untuk menerapkan semangat dan ciri-ciri rimbawan serta memberi penekanan tentang teori dan praktikal dalam bidang perhutanan. Antara topik-topik yang disentuh dalam pengendalian kem hutan ini adalah seperti Penggunaan Sumber Hutan, Sumber dan hasil bukan kayu, kajian tanah hutan, hutan dan komuniti serta Inventori Hutan. Selain daripada itu, para pelajar juga diterapkan dengan sifat-sifat kepimpinan dan semangat kerjasama diantara mereka disamping membentuk sahsiah diri para pelajar itu sendiri. Bagi Troop 1, Denni Jainin telah dipilih sebagai Rimbawan dan Anis Pinita Andrew sebagai Rimbawati manakala bagi Troop 2, Alias Bin Amin dipilih sebagai Rimbawan dan Recheal Jane Ronnie sebagai Rimbawati Kem Perhutanan kali Ke-14 ini. Walaupun perlu mengharungi kem perhutanan selama dua minggu di Hutan Simpan Kawang, namun semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar menunjukkan reaksi positif. Selain itu, semangat kekitaan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh para pelajar dan juga urusetia merupakan tonggak kejayaan aktiviti kem perhutanan kali ini.

